



SOALAN LAZIM

BANTUAN KELUARGA MALAYSIA (BKM) 2022

SEMAKAN STATUS BKM 2022

A. Kaedah Semakan Status BKM 2022

1. **S:** Bagaimanakah saya boleh mengetahui status BKM 2022?

J: Semakan status BKM 2022 boleh dibuat melalui:

- i. Portal Rasmi Bantuan Keluarga Malaysia LHDNM, <https://bkm.hasil.gov.my> dengan memilih Log Masuk; atau
- ii. Hubungi LHDNM: 1-800-88-2747 (waktu operasi: 9.00 pagi – 5.00 petang); atau
- iii. Hubungi MoF: 03-8882 4565 / 4566 (waktu operasi: 9.00 pagi – 5.00 petang); atau
- iv. Hadir ke LHDNM yang berhampiran.

2. **S:** Bagaimanakah cara untuk membuat semakan status BKM 2022 melalui Portal Rasmi BKM (<https://bkm.hasil.gov.my>)?

J: Semakan boleh dibuat seperti berikut:

- i. Klik Log Masuk
- ii. Masukkan Nombor MyKad
- iii. Pengesahan Kata Kunci Keselamatan
- iv. Masukkan kata laluan
- v. Klik Menu Semakan Status
- vi. Maklumat yang akan dipaparkan:
 - a. Status Permohonan
 - b. Maklumat Pembayaran (Jika Ada)

B. Semakan Status Permohonan BKM 2022

3. **S:** Apakah yang dimaksudkan dengan status Lulus?

J: **Status Lulus** adalah merujuk kepada permohonan BKM 2022 yang menepati syarat kelayakan selepas proses semakan verifikasi dilakukan.

4. **S:** Apakah yang dimaksudkan dengan status Tidak Lulus?

J: **Status Tidak Lulus** adalah merujuk kepada permohonan BKM 2022 yang tidak menepati syarat kelayakan selepas proses semakan verifikasi dilakukan.

5. **S: Permohonan BKM 2022 saya berstatus TIDAK LULUS. Bilakah tempoh untuk permohonan Rayuan BKM 2022?**
- J: Rayuan BKM 2022 boleh dibuat mulai 02 Mei 2022 dalam tempoh sebulan (tertakluk pada pindaan).
6. **S: Saya membuat semakan pada Menu Semakan Status Permohonan dan paparan Status Permohonan adalah Tidak Layak. Apakah yang dimaksudkan dengan TIDAK LAYAK?**
- J: Sila hubungi cawangan LHDNM berdekatan untuk mengetahui maklumat lanjut berkenaan Status Tidak Layak tersebut.